



LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
JUMAAT 2 MEI 2025

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1.	TAMAT SUBSIDI: PASTIKAN HARGA, BEKALAN TELUR STABIL, DALAM NEGERI, UM-7	KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN (KPKM)
2.	PENARIKAN SUBSIDI BERI KESAN HARGA MAKANAN, DALAM NEGERI, UM-7	
3.	TIADA KEPERLUAN HARGA MAKANAN RESTORAN MAMAK NAIK WALAUPUN SUBSIDI DITARIK, DALAM NEGERI, UM-7	
4.	EGG SUBSIDY CUT WON'T CRACK PRICES, NATION, THE STAR-5	
5.	TAMAT SUBSIDI TELUR: GAPEMA BIMBANG ADA PIHAK SOROK BEKALAN, NASIONAL, SH-5	
6.	TIADA PEMBELIAN PANIK, BEKALAN TELUR STABIL, NASIONAL, SH-5	
7.	PEMBORONG JANGKA HARGA TELUR NAIK DUA MINGGU LAGI, NASIONAL, SH-5	
8.	PENGURANGAN SUBSIDI TELUR BERI KESAN LANGSUNG KOS OPERASI PENIAGA KECIL, NASIONAL, BH-14	
9.	BEKALAN TELUR MENCUKUPI, TIADA PEMBELIAN PANIK, LOKAL, HM-11	
10.	STOK TELUR LAMA HARGA TAK BERUBAH, LOKAL, HM-11	
11.	HARGA MAKANAN BERASAS TELUR KEKAL, NEGARA, KOSMO-6	
12.	BERAS TEMPATAN DAH KEMBALI	INSTITUT PENYELIDIKAN DAN KEMAJUAN PERTANIAN MALAYSIA (MARDI)
13.	'10 YEAR LEASE TOO SHORT FOR FARMS', NEWS, STARMETRO-4	LAIN-LAIN
14.	SUMBANGAN WANITA DALAM BIDANG PERTANIAN SEMAKIN DIIKTIRAF, GAYA WANITA, UM-21	
15.	BERAS DARULNAIM DIJANGKA BERADA DI PASARAN AKHIR OGOS, SG4:KELANTAN, HAKAH-10	

UKK KPKM

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN KPKM, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
2/5/2025	UTUSAN MALAYSIA	DALAM NEGERI	7

Tamat subsidi: Pastikan harga, bekalan telur stabil

Oleh ISWAN SHAFIQ ISA
dan AIMUNI TUAN LAH
utusannews@mediamulia.com.my

PETALING JAYA: Kerajaan perlu mewujudkan mekanisme baharu bagi membantu peniaga khususnya di kawasan luar bandar mendapatkan bekalan telur pada harga berpatutan selepas subsidi bahan mentah itu ditamatkan secara berfasa mulai semalam.

Tinjauan *Utusan Malaysia* mendapati, rata-rata peniaga menyifatkan pengurangan subsidi memberi cabaran baharu kepada peniaga kecil yang berdepan dengan kos operasi semakin meningkat.

Seorang peniaga baulu, Muhamad Shafiq Mohamad, 27, berharap penamatan subsidi itu tidak membebankan golongan berkenaan.

"Saya berharap harga tidak meningkat terlalu tinggi sehingga menjejaskan perniagaan yang sangat bergantung kepada telur."

"Selaku peniaga kecil, kami berharap kerajaan dapat menstabilkan harga dan memastikan bekalan telur sentiasa mencukupi di pasaran," katanya ketika ditemui di Gua Musang, Kelantan, semalam.

Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) menerusi kenyataan memaklumkan, kadar subsidi telur ayam dikurangkan dari 10 sen kepada lima sen sebiji, berkuat kuasa mulai 1 Mei sebelum ditamatkan sepenuhnya pada 1 Ogos ini.

Selain itu, seorang peniaga nasi lemak Hasnah Awang, 52, berkata, dia mahu pelaksanaan penamatan subsidi tidak membebankan rakyat.

"Telur bukan sahaja penting untuk jualan nasi lemak di kedai



NAINA Mohamed menjalankan perniagaan roti telur goyang di Naina's Roti Bakar, George Town, Pulau Pinang.
- UTUSAN/IQBAL HAMDAN

saya, tetapi sumber protein penting untuk keluarga.

"Saya berharap langkah ini tidak membebankan rakyat. Kami harap kerajaan terus laksanakan jualan murah seperti Jualan Rahmah bagi membolehkan rakyat mendapat barangan keperluan pada harga murah," ujarnya.

Turut berkongsi pandangan sama ialah seorang peniaga roti telur di George Town Pulau Pinang, Naina Mohamed, 46, dia amat berharap agar penarikan subsidi barang keperluan itu nanti tidak melibatkan kenaikan harga telur ayam yang melampau.

Dalam pada itu, seorang peniaga kek, Siti Khatijah Wahab, 45,

berkata, dia bimbang harga telur melambung selepas subsidi telur ayam ditarik balik sepenuhnya nanti.

Katanya, dia hanya menggunakan telur ayam gred A atau B sahaja untuk membuat kek dan kenaikan harga barang keperluan harian itu mungkin menjejaskan perniagaan yang diusahakannya sejak tiga tahun lalu.

"Jadi, mahu atau tidak, saya terpaksa memikirkan alternatif lain sekiranya telur untuk kedua-dua gred itu naik semula. Nak kurangkan kuantiti (telur ayam) nanti akan jejas kualiti pula," katanya.

Namun Pengerusi Persatuan

Penjaja dan Peniaga Melayu Malaysia (Gapema) Pulau Pinang, Norain Mohd. Noor berkata, kesan penarikan subsidi telur ayam itu dilihat tidak begitu membebankan para peniaga khususnya peniaga-peniaga kecil.

Katanya, penarikan subsidi itu tidak dibuat secara drastik sekaligus membolehkan para peniaga mengimbangkan kos bahan mentah mereka secara perlahan-lahan dan berperingkat.

"Dalam hal ini, apa kami boleh bantu ialah melalui penerangan, panduan dan penganjuran kursus bersangkutan dengan kos sara hidup bersama kementerian berkaitan," katanya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
2/5/2025	UTUSAN MALAYSIA	DALAM NEGERI	7

Penarikan subsidi beri kesan harga makanan

PETALING JAYA: Makanan berasaskan telur dijangka menerima kesan kenaikan harga susulan keputusan kerajaan menamatkan subsidi telur ayam secara berfasa bermula semalam.

Presiden Gabungan Persatuan-Persatuan Pengguna Malaysia (FOMCA), Datuk Dr. Marimuthu Nadason berkata, penarikan penuh subsidi telur pada 1 Ogos ini juga dijangka memberi kesan kepada barangan asas lain.

"Apa jua subsidi yang ditarik oleh kerajaan akan memberi kesan rantaian kepada barangan asas lain sekali gus mengubah cara perbelanjaan pengguna khususnya golongan B40."

"Bagi aspek pengusaha restoran atau peniaga makanan pula, mereka akan mengambil kesempatan ini dengan menaikkan harga yang berasaskan telur seperti burger, nasi goreng atau mi goreng serta minuman," katanya kepada *Utusan Malaysia*.

Kelmarin, Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) menerusi kenyataan memaklumkan, kadar subsidi telur ayam dikurangkan dari 10 sen kepada lima sen sebiji, berkuat kuasa mulai semalam sebelum ditamatkan sepenuhnya pada 1 Ogos depan.

Susulan itu, langkah-intervensi dilaksanakan antaranya pihak industri bersetuju untuk memperkenankan telur gred khas pada harga munasabah.

Sebaliknya, Setiausaha Agung Persatuan Pergerakan Pengguna Malaysia, Herby Dhillon berkata, penarikan subsidi telur tidak harus menjejaskan harga jualan kepada pengguna.

"Harga telur di dalam pasaran telah turun dan pengusaha restoran sepatutnya menurunkan harga bukannya menaikkan harga makanan."

"Selain itu, dengan pemberian subsidi, pengeluaran telur dapat untung lebih. Justeru, penamatan subsidi tidak memberi kesan kepada keuntungan pengeluaran," katanya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
2/5/2025	UTUSAN MALAYSIA	DALAM NEGERI	7

Tiada keperluan harga makanan restoran mamak naik walaupun subsidi ditarik

PETALING JAYA: Persatuan Pengusaha Restoran Muslim Malaysia (Presma) memberi jaminan harga makanan berasaskan telur tidak dinaikkan susulan keputusan kerajaan mengawal harga dan subsidi telur ayam.

Presiden Presma, Datuk Jawahar Ali Taib Khan berkata, pengusaha restoran atau peniaga tidak mempunyai keperluan untuk menaikkan harga makanan atau minuman di restoran.

“Tiada dasarnya untuk peniaga atau pengusaha restoran untuk menaikkan harga. Pada dasarnya, kami semua setuju mengekalkan harga semasa makanan.

“(Penarikan subsidi telur ayam) tidak akan memberikan kesan kepada harga makanan (selaras) dengan kadar subsidi telur ayam yang akan dikurangkan daripada 10 sen kepada 5 sen sebiju.

“Bagaimanapun, penguat-

kuasaan penuh pada 1 Ogos ini, kita akan cuba sehabis baik untuk beradaptasi dengan harga kawalan baharu,” katanya kepada *Utusan Malaysia*.

Sebelum ini, Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) menerusi kenyataan memaklumkan, kadar subsidi telur ayam dikurangkan dari 10 sen kepada lima sen sebiju, berkuat kuasa mulai semalam sebelum ditamatkan sepenuhnya

ya pada 1 Ogos depan.

Susulan itu, langkah-langkah intervensi dilaksanakan antaranya pihak industri bersetuju untuk memperkenalkan telur gred khas pada harga yang munasabah.

Keputusan tersebut dibuat setelah mengambil kira komitmen pihak industri untuk memastikan pengeluaran telur ayam yang cukup dan terjamin berikutan kos pengeluaran stabil.

Egg subsidy cut won't crack prices

Removal unlikely to raise costs for eateries, say traders

By FAZLEENA AZIZ
fazleena@thestar.com.my

PETALING JAYA: The removal of egg subsidies will have almost no impact on the price of omelettes, noodles and pastries, say bakers and restaurateurs, as egg prices have hit the lowest level in recent memory.

"I have never seen the price of eggs this low," said Che Mamat Chemod, a veteran of the local restaurant group, Persatuan Sahabat Tomyam Prihatin Semalaysia.

"So the removal of subsidies will not affect us because we have never had such low egg prices, even in the pre-Covid-19 era," said Che Mamat, the association's adviser.

A tray of eggs in the food production industry is now priced as low as RM9, said Malaysia Bakery,

Biscuit, Confectionery, Mee and Kuey Teow Merchants' Association president Chaang Tuck Cheong.

"Previously, a tray cost us RM16, and this caused a 10% increase in our operating costs," he said.

"So, the 5sen seems reasonable and will not impact our members that much," he said in response to the government's decision to cut subsidies for eggs from 10sen to 5sen per egg and end price controls for the item starting yesterday.

The subsidy will be fully discontinued on Aug 1.

The decision was made after considering the industry's commitment to ensuring a sufficient and stable production of eggs, following the stabilisation of production costs.

However, the Malaysian Indian Restaurant Owners Association



End of the sunny side: A shopper buying eggs at a grocery store. The government's decision to cut subsidies for eggs from 10sen to 5sen per egg and end price controls for the item began yesterday. The subsidy will be fully discontinued on Aug 1. — ART CHEN/The Star

(Primas) is taking a cautious stance regarding the potential impact of the subsidy cut on egg prices, and consequently, on the cost of dishes containing eggs.

Primas president Govindasamy Jayabalan said restaurants would first need to see how much their suppliers charged for ingredients.

"Eggs are a big staple and part of Malaysians' diet, especially during breakfast. We can't decide anything now because we need to

see how much our suppliers will charge before they pass on their costs to us.

"We also don't want to burden the people, which is why we urge the government to continue the subsidy for another year," he said.

"But we also understand that the government has spent billions on the subsidy. So we will do our best for the country and our customers and maintain our prices."

Malaysia imposed ceiling prices for eggs, ranging from 38sen to 42sen each, depending on their grade and quality, in response to elevated prices and a shortage caused by supply chain disruptions resulting from the Covid-19 pandemic.

The government spends about RM100mil per month, or RM1.2bil a year, on the egg subsidy.

Previously, subsidies and price controls for chicken were lifted in November 2023.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
2/5/2025	SINAR HARIAN	NASIONAL	5

Tamat subsidi telur: Gapema bimbang ada pihak sorok bekalan

SHAH ALAM - Langkah kerajaan menamatkan subsidi telur ayam pada Ogos ini menimbulkan kebimbangan dalam kalangan peniaga khususnya terhadap kemungkinan berlakunya kenaikan harga mendadak serta gangguan bekalan berkenaan.

Naib Presiden Gabungan Persatuan Penjaja dan Peniaga

Melayu Malaysia (Gapema), Baharudin Mohamed Ali berkata, keadaan itu turut dibimbangi akan wujudnya tindakan menyorok bekalan oleh pihak tidak bertanggungjawab.

"Kita risau ada yang mahu mengambil kesempatan atas

perubahan dasar subsidi, sekali gus menjejaskan kelancaran rantai bekalan dan operasi harian.

"Hal ini memberi kesan langsung terhadap kos operasi, terutama bagi premis yang bergantung kepada telur sebagai bahan asas dalam penyediaan pelbagai menu dan produk," katanya kepada *Sinar Harian* pada Khamis.

Media sebelum ini



BAHARUDIN

melaporkan Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) mengumumkan akan menamatkan kawalan harga dan subsidi telur ayam secara berfasa bermula Khamis, sebagai langkah penyasaran semula subsidi di bawah inisiatif Kerajaan Madani.

Kadar subsidi telur ayam akan dikurangkan daripada 10 sen kepada 5 sen sebiji bermula Khamis manakala pemberian subsidi sepenuhnya akan ditamatkan pada 1 Ogos depan.

Dalam pada itu, Baharudin menyeru kerajaan memperketat pemantauan terhadap pembekal bagi mengelak sebarang unsur penyorokan atau manipulasi pasaran, selain mengkaji semula penamatan subsidi secara menyeluruh.

"Sebagai langkah persediaan, kebanyakan pengusaha kini menilai semula struktur kos operasi mereka,

termasuk menyesuaikan menu tanpa menjejaskan kualiti makanan.

"Kami sedar keperluan untuk tidak mengambil kesempatan menaikkan harga sewenang-wenangnya sebab dalam perniagaan ini sudah tentu ada pelbagai persaingan dan semuanya perlu diambil kira selain perlu mematuhi peraturan dan undang-undang yang ditetapkan kerajaan.

"Kita berharap kerajaan mempertimbangkan pendekatan lebih berperingkat atau bersasar bagi melindungi industri makanan dan pengguna, selaras dengan semangat Kerajaan Madani yang inklusif dan prihatin," katanya.

Baharudin bagaimanapun menjelaskan mereka memahami kerajaan sedang menyasar semula pemberian subsidi, namun penarikan sepenuhnya subsidi telur menimbulkan kebimbangan besar.

"Jika harga telur meningkat mendadak, ia boleh menjejaskan margin keuntungan yang sudah pun kecil, terutama bagi perniagaan kecil dan sederhana," ujar beliau.



Laporan *Sinar Harian* pada Khamis.

2/5/2025

SINAR
HARIAN

NASIONAL

4

Namun kenaikan
diramal tidak terlalu
tinggi, bergantung
kepada pembekal

Pemborong jangka harga telur naik dua minggu lagi

IPOH

Golongan peniaga dan pemborong mengambil langkah bersiap sedia susulan pengumuman kerajaan bahawa kawalan harga dan subsidi telur ayam ditamatkan secara berfasa bermula Khamis.

Bagi pemborong, Fauziah Mohamad Arib, 31, ketiadaan subsidi telur itu dijangka memberi kesan terhadap bekalan telur dan harga.

Menurutnya, kesan tersebut dijangka berlaku dalam masa dua minggu lagi, namun ia tidak mendadak.

"Berdasarkan pengalaman sebelum ini memang akan ada kenaikan harga tapi mungkin tak tinggi, begitu juga dengan bekalan yang turut terkesan disebabkan keadaan itu."

"Macam kami pemborong ikut kepada pembekal dan kita tak boleh nak naikan harga sesuka hati kerana ia masih dipantau."

"Kita juga tak mahu bebani pengguna jika harga terlalu tinggi," katanya kepada *Sinar Harian*.

Menurut Fauziah, kedainya ketika ini hanya menjual telur gred C pada harga RM8.50 untuk 30 biji atau satu papan telur, dan setakat ini bekalan setiap dua minggu sebanyak 60 hingga 100 papan telur masih tidak berkurang.

Pemborong telur ayam, Adnan Azizi Zainal Abidin, 42, pula berpandangan, tindakan kerajaan menghapuskan subsidi secara berperingkat tidak akan mengurangkan bekalan telur di pasaran.

Katanya, permintaan terhadap telur ayam amat tinggi dan

jika penternak mengambil pendekatan mengurangkan pengeluaran, mereka akan mengalami kerugian.

Jelasnya, kesan diterima pengguna dan peniaga mungkin melibatkan harga kerana pengurangan subsidi dan tiada kawalan harga akan memberi peluang kepada pembekal menetapkan harga mereka.

"Namun persaingan di peringkat ladang juga akan memberi kesan kepada harga telur ayam apabila masing-masing akan menawarkan harga berpatutan bagi memastikan hasil mereka terjual."

"Kita akan tengok sama ada berlaku perubahan selepas seminggu ini," katanya.

Adnan Azizi berkata, sehingga kini pihaknya menerima permintaan sebanyak 500 papan telur ayam setiap hari oleh pelanggan tetap yang kebanyakannya mereka merupakan peniaga.

Sementara itu, tinjauan di KUALA SELANGOR, rata-rata peniaga kedai runcit di sini menjangkakan harga telur akan naik susulan langkah kerajaan itu.

Peniaga, Sofiya Mohd Naim, 26, bersetuju harga telur dijangka naik apabila subsidi dihentikan sepenuhnya.

"Saya jual telur gred A pada harga RM12.60 dan B RM12. Harga borong yang saya terima ialah RM11.50 untuk A dan B pula RM10.50, namun bila subsidi tiada, pasti harga meningkat," katanya.

Bagaimanapun, Sofiya optimis bekalan telur kekal mencukupi meskipun subsidi ditamatkan sambil menambah peniaga dan pengguna perlu

menyesuaikan diri dengan perubahan harga pasaran.

Peniaga, Fakhruddin Mohd Yusof, 65, pula berkata, walaupun belum menerima makluman rasmi daripada pembekal, namun yakin penghapusan subsidi di menstabilkan kenaikan harga runcit.

"Saya percaya harga telur akan naik bila subsidi dihapus kerana selama ini bantuan kerajaan itulah yang membantu menstabilkan harga di pasaran."

"Tanpa subsidi, kos pengeluaran akan ditanggung sepenuhnya oleh penternak dan pemborong seterusnya menyebabkan harga borong meningkat dan akhirnya memberi kesan kepada harga jualan di peringkat runcit," ujarnya.

Menurut Fakhruddin, permintaan yang sentiasa tinggi terhadap telur menyebabkan sebarang perubahan dalam struktur subsidi akan memberi kesan ketara kepada peniaga kecil dan pengguna.

"Buat masa ini saya masih jual pada harga subsidi kerana bali daripada pemborong sebelum pengumuman dan tak mahu ambil kesempatan naikan harga," katanya yang mengambil telur secara borong dari pembekal di Sekinchan.

Tinjauan di KUANTAN pula mendapati telur ayam dijual di bawah harga kawalan di pasar raya utama, manakala di kedai runcit harganya masih tidak berubah kerana menggunakan bekalan lama.

Pekerja sebuah pasar raya, Arfan, 32, berkata, harga ketika ini masih rendah kerana mereka sedang menghabiskan bekalan terdahulu.

"Sekarang harga kekal sebab masih guna stok lama. Tapi bila bekalan baru sampai, kemungkinan harga akan ikut perubahan subsidi," katanya.

Pengusaha kedai runcit, Azman Abdul Ghani, 55, pula menjangka kenaikan harga boleh berlaku dalam masa terdekat.

Jelasnya, pengumuman pemotongan subsidi ini tidak mengejutkan mereka sebagai peniaga kerana sudah diberikan makluman awal oleh pembekal. "Kita ikut sahaja harga dan mungkin dalam seminggu dua lagi kalau ada stok baru, telur naik harga."

"Walaupun bekalan stabil, tapi yang susahnyanya margin untung kami memang nipis," katanya.



Fauziah mengakui kemungkinan berlaku perubahan harga dan bekalan susulan penarikan subsidi secara berperingkat oleh kerajaan.

REAKSI

“

Sebarang kenaikan harga bahan asas seperti telur memberi kesan langsung. Kami guna dua papan sebulan. Telur itu lauk wajib di rumah. Kalau naik, memang beban. Saya berharap kerajaan memastikan harga tidak naik mendadak selepas subsidi dimansuhkan sepenuhnya pada 1 Ogos nanti.”



- Pekerja swasta, Azli Sehabili, 53

“

Keputusan kerajaan itu dijangka tidak menimbulkan isu berbangkit seperti kenaikan harga dan ketiadaan bekalan pada masa akan datang. Apabila kerajaan sudah membuat keputusan, rakyat berpandangan perkara itu sudah diteliti secara rapi dan mendalam. Jadi kerajaan perlu pastikan penamatan subsidi pada 1 Ogos depan tidak memberikan implikasi kepada pengguna. Sebagai pengguna sudah tentu ada kerisauan jika berlaku kenaikan harga mendadak, justeru penguat kuasa harus memainkan peranan bagi memastikan perkara itu tidak berlaku.”



- Pekerja swasta, Farah Anis Zulaikha Mohamad Ishar, 26

“

Kita harap agar bila sudah tak ada subsidi harga janganlah pula naik suka hati. Sebabnya harga telur sekarang dah berpatutan, sesuai untuk semua.”



- Pemandu lori, Wahab Selamat, 56



Fakhruddin menunjukkan bekalan telur di kedainya yang diambil daripada pembekal sebelum pengumuman penghapusan subsidi.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
2/5/2025	BERITA HARIAN	NASIONAL	14

Pengurangan subsidi telur beri kesan langsung kos operasi peniaga kecil

Kuala Lumpur: Peniaga kecil menyatakan pengurangan kadar subsidi telur akan mengakibatkan kos bahan mentah naik dan harga beberapa makanan meningkat.

Pada masa sama, mereka bimbang akan kehilangan pelanggan kerana orang ramai akan mencari pilihan lain, iaitu kedai besar yang mungkin dapat menyerap kenaikan kos.

Presiden Persatuan Penjaja dan Peniaga Kecil Melayu Wilayah Persekutuan, Datuk Mohamad Abdullah, berkata pengurangan subsidi telur mulai semalam memberi kesan langsung kepada kos operasi peniaga kecil.

"Apabila subsidi telur diku-

rangkan, mungkin harga jualan turut naik. Yang jadi mangsa ialah pelanggan," katanya ketika dihubungi BH.

Mohamad berkata, persatuan itu akan mencari penyelesaian supaya perniagaan kecil-kecilan dapat diteruskan walaupun dalam keadaan kos bahan mentah yang meningkat.

Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan mengumumkan kadar subsidi telur ayam dikurangkan kepada lima sen daripada 10 sen bermula semalam dan ditamatkan sepenuhnya mulai 1 Ogos ini.

Sementara itu, pemilik kedai makan di Medan Selera Jalan Raja Muda, Mohd Jalil Ayob, berkata peningkatan kos bahan

Subsidi telur ditamatkan mulai 1 Ogos

Pemamatan berprestasi bertulis hari ini, hasil perjumpaan perantaraan antara pihak-pihak yang terlibat.

Perjumpaan ini diadakan di pejabat Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan, Kuala Lumpur.

Perjumpaan ini diadakan di pejabat Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan, Kuala Lumpur.

Perjumpaan ini diadakan di pejabat Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan, Kuala Lumpur.

Perjumpaan ini diadakan di pejabat Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan, Kuala Lumpur.

Perjumpaan ini diadakan di pejabat Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan, Kuala Lumpur.

Perjumpaan ini diadakan di pejabat Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan, Kuala Lumpur.

Perjumpaan ini diadakan di pejabat Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan, Kuala Lumpur.

Perjumpaan ini diadakan di pejabat Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan, Kuala Lumpur.

Perjumpaan ini diadakan di pejabat Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan, Kuala Lumpur.

Perjumpaan ini diadakan di pejabat Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan, Kuala Lumpur.

Perjumpaan ini diadakan di pejabat Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan, Kuala Lumpur.

Perjumpaan ini diadakan di pejabat Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan, Kuala Lumpur.

Perjumpaan ini diadakan di pejabat Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan, Kuala Lumpur.

Perjumpaan ini diadakan di pejabat Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan, Kuala Lumpur.

Perjumpaan ini diadakan di pejabat Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan, Kuala Lumpur.

Perjumpaan ini diadakan di pejabat Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan, Kuala Lumpur.

Perjumpaan ini diadakan di pejabat Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan, Kuala Lumpur.

Perjumpaan ini diadakan di pejabat Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan, Kuala Lumpur.

Perjumpaan ini diadakan di pejabat Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan, Kuala Lumpur.

Perjumpaan ini diadakan di pejabat Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan, Kuala Lumpur.

Perjumpaan ini diadakan di pejabat Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan, Kuala Lumpur.

Perjumpaan ini diadakan di pejabat Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan, Kuala Lumpur.

Perjumpaan ini diadakan di pejabat Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan, Kuala Lumpur.

Perjumpaan ini diadakan di pejabat Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan, Kuala Lumpur.

Perjumpaan ini diadakan di pejabat Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan, Kuala Lumpur.

Perjumpaan ini diadakan di pejabat Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan, Kuala Lumpur.

Perjumpaan ini diadakan di pejabat Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan, Kuala Lumpur.

Perjumpaan ini diadakan di pejabat Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan, Kuala Lumpur.

Perjumpaan ini diadakan di pejabat Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan, Kuala Lumpur.

Perjumpaan ini diadakan di pejabat Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan, Kuala Lumpur.

Perjumpaan ini diadakan di pejabat Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan, Kuala Lumpur.

Perjumpaan ini diadakan di pejabat Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan, Kuala Lumpur.

Perjumpaan ini diadakan di pejabat Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan, Kuala Lumpur.

Perjumpaan ini diadakan di pejabat Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan, Kuala Lumpur.

Perjumpaan ini diadakan di pejabat Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan, Kuala Lumpur.

Perjumpaan ini diadakan di pejabat Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan, Kuala Lumpur.

Perjumpaan ini diadakan di pejabat Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan, Kuala Lumpur.

Perjumpaan ini diadakan di pejabat Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan, Kuala Lumpur.

Perjumpaan ini diadakan di pejabat Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan, Kuala Lumpur.

Perjumpaan ini diadakan di pejabat Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan, Kuala Lumpur.

Perjumpaan ini diadakan di pejabat Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan, Kuala Lumpur.

Perjumpaan ini diadakan di pejabat Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan, Kuala Lumpur.

Perjumpaan ini diadakan di pejabat Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan, Kuala Lumpur.

Perjumpaan ini diadakan di pejabat Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan, Kuala Lumpur.

Perjumpaan ini diadakan di pejabat Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan, Kuala Lumpur.

Perjumpaan ini diadakan di pejabat Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan, Kuala Lumpur.

Perjumpaan ini diadakan di pejabat Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan, Kuala Lumpur.

Perjumpaan ini diadakan di pejabat Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan, Kuala Lumpur.

Perjumpaan ini diadakan di pejabat Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan, Kuala Lumpur.

Perjumpaan ini diadakan di pejabat Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan, Kuala Lumpur.

Perjumpaan ini diadakan di pejabat Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan, Kuala Lumpur.

Perjumpaan ini diadakan di pejabat Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan, Kuala Lumpur.

Perjumpaan ini diadakan di pejabat Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan, Kuala Lumpur.

Perjumpaan ini diadakan di pejabat Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan, Kuala Lumpur.



Keratan akhbar BH, semalam.

sidi, ini jadi beban besar.

"Pemborong mungkin boleh tanggung kos, tapi peniaga kecil yang menjual makanan harian terpaksa menyesuaikan kos dan pelanggan mula rasa terbeban," katanya.

Beliau berkata, kementerian terbabit perlu mempertimbang semula langkah pengurangan subsidi telur agar keseimbangan di antara kepentingan pengguna dan kelangsungan peniaga kecil dapat dikekalkan.

Selain itu, Presiden Gabungan Persatuan Peniaga dan Penjaja Bumiputera Kuala Lumpur, Datuk Seri Rosli Sulaiman mahu kementerian itu mengekalkan subsidi telur 10

Persatuan akan mencari penyelesaian supaya perniagaan kecil-kecilan dapat diteruskan walaupun dalam keadaan kos bahan mentah yang meningkat



Mohamad Abdullah, Presiden Persatuan Penjaja dan Peniaga Kecil Melayu Wilayah Persekutuan

sen sebiji.

"Saya menerima banyak panggilan daripada peniaga yang meluahkan kebimbangan mengenai pengurangan subsidi ini," katanya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
2/5/2025	HARIAN METRO	LOKAL	11

Kuala Berang: Tiada pembelian panik berlaku dalam kalangan pengguna di Terengganu walaupun kerajaan menetapkan pengurangan kadar subsidi telur ayam memandangkan bekalan telur ayam mencukupi.

Menurutnya, begitu juga dengan bekalan keperluan lain yang dilihat mencukupi bagi pengguna di negeri ini.

Pengarah Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN)

Bekalan telur mencukupi, tiada pembelian panik

Terengganu, Mohd Mufsi Lat berkata, begitu juga dengan bekalan keperluan lain yang dilihat mencukupi bagi pengguna di negeri itu.

Kelmarin, kerajaan mengumumkan kadar subsidi telur ayam dikurangkan daripada 10 sen kepada lima sen sehari bermula semalam dan seterusnya ditamatkan sepenuhnya mulai 1 Ogos

ini. Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) memaklumkan keputusan itu dibuat selepas mengambil kira komitmen pihak industri untuk memastikan pengeluaran telur ayam yang mencukupi dan terjamin berikutan kos pengeluaran sudah stabil. Ia terbukti sepanjang mu-

sim Aidilfitri lalu yang mana ketersediaan bekalan mencukupi dengan harga kompetitif.

Sejak Februari 2022 hingga Disember tahun lalu, kerajaan membelanjakan hampir RM2.5 bilion untuk pembayaran subsidi telur ayam kepada pihak industri bagi menampung peningkatan kos pengeluaran beriku-

tan pandemik Covid-19 serta kesan peperangan antara Ukraine dan Russia ke atas harga import soya dan jagung bijian.

Sementara itu, Mohd Mufsi berkata, penganjuran Program Jualan Rahmah Madani (PJRM) sehingga akhir April lalu memberi manfaat kepada 314,521 pengunjung dan mencatatkan

hasil jualan melebihi RM13 juta di negeri itu.

Menurutnya, KPDN Terengganu hingga kini sudah menganjurkan 314 siri PJRM membabitkan tiga jenis model pelaksanaan iaitu 136 siri dalam premis, 177 siri secara bergerak dan satu siri dalam pasar bagi semua lapan kawasan Parlimen di seluruh negeri.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
2/5/2025	HARIAN METRO	LOKAL	11



SEORANG peniaga menyusun telur di kedainya di Pasar Besar Ipoh. Kerajaan memutuskan untuk menamatkan sepenuhnya pemberian subsidi bagi telur ayam bermula 1 Ogos ini.

Saya lihat harga telur sekarang mula kembali kepada asal seperti sebelum Ramadan"

Mohammad Firdaus

KADAR SUBSIDI TELUR DIKURANGKAN

Stok telur lama harga tak berubah

Oleh Muhamad Lokman Khairi
lokman@hmetro.com.my

Kuala Lumpur

Meskipun subsidi telur ayam dikurangkan daripada 10 sen kepada lima sen sebijil mulai semalam, harga jualan telur ayam Gred AA hingga E di ibu kota tidak menunjukkan peningkatan ketara.

Tinjauan Harian Metro di kedai borong dan runcit sekitar Jalan Raja Bot, di sini, mendapati harga 30 biji atau satu papan telur Gred AA dijual pada harga RM13.20 dan RM12.30 (Gred A).

Telur Gred B dijual pada harga antara RM9.30 hingga RM10, Gred C pada harga antara RM9 hingga RM9.30, RM8.10 (Gred D) dan

RM7.50 (Gred E).

Pemborong telur hanya ingin dikenali sebagai Firdaus berkata, harga telur terbabit masih sama seperti kelmarin berikutan ia adalah stok sedia ada.

Menurutnya, harga setiap gred mungkin meningkat apabila pembekal menghantar stok telur baharu dalam beberapa hari lagi.

"Kami sedia maklum subsidi telur dikurangkan, tapi pembeli tak perlu bimbang kerana harga masih sama."

"Naik atau turun harga telur, kami tak boleh jamin kerana ia bergantung kepada kos pengeluaran serta keadaan bekalan dan permintaan di pasaran."

"Kami harap bekalan telur sentiasa mencukupi supaya harganya tidak melambung tinggi dan tidak

membebankan rakyat," katanya.

Peruncit telur, Rasydan Ahmad pula mengakui ada peningkatan harga sekitar RM3 bagi telur Gred C dan D berbanding Ramadan lalu.

"Pada bulan puasa lalu, telur Gred C dijual pada harga RM6 sepapan, sekarang sudah naik kepada RM9, manakala Gred D naik kepada RM8.10 sepapan berbanding RM5.30 ketika Ramadan."

"Harga sepapan telur ini naik secara beransur-ansur sejak Aidilfitri."

"Namun, pada pagi ini (semalam), harga telur tidak berubah berbanding semalam (kelmarin) walaupun subsidi sudah ditarik 50 peratus. Ini stok telur lama, jadi tiada kenaikan harga lagi," katanya.

Sementara itu, penghantar makanan sambilan, Mohammad Firdaus Shafii, 37, berkata, harga telur Gred D menunjukkan peningkatan harga.

"Hari ini (semalam) saya beli telur Gred D dengan harga RM8.10 sepapan, ingat saya harga telur gred sama hanya RM6.90 ketika saya beli tiga hari lalu."

"Saya tidak pasti sama ada ini kesan pengurangan subsidi atau bukan. Saya lihat harga telur sekarang mula kembali kepada asal seperti sebelum Ramadan," katanya.

Pekerja swasta, Norzaini Kassim, 54, pula tidak bersetuju dengan pengurangan subsidi telur kerana bimbang harga bahan mentah itu mungkin meningkat.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
2/5/2025	KOSMO	NEGARA	6

Harga makanan berasas telur kekal

- **Biarpun subsidi telur ayam dikurangkan**
- **Peniaga tidak tergamak jual mahal**

Oleh MEGAT LUTFI MEGAT RAHIM, ALANI NIZAM dan NABILA NATASHA YUSMADIE

PETALING JAYA – Sebahagian peniaga serta pemilik restoran memaklumkan mereka masih mengekalkan harga makanan berasaskan telur biarpun kadar subsidi telur ayam telah dikurangkan berkuat kuasa semalam.

Kata peniaga, ketika ini harga telur ayam di pasaran masih

NURUL HIDAYAH menunjukkan telur yang digunakan dalam masakan di Restoran Warisan Bonda Samsiah, Tapah semalam.



PENIAGA martabak, Hafizuddin membungkus martabak yang dipesan pelanggan di Pasar Raja Bot, Chow Kit, Kuala Lumpur.

“

Saya kalau harga itu betul-betul naik macam harga bawang dan telur sebelum ini, memang kita akan naikkan harga martabak, tetapi kalau setakat naik sedikit kita akan kekalkan harga RM5 sekeping.”

MUHD. HAFIZUDDIN

sama, namun sekiranya berlaku sedikit kenaikan, ia tidak akan memberi kesan besar terhadap harga makanan.

Di **Tapah, Perak**, seorang pemilik bersama Restoran Warisan Bonda Samsiah, Nurul Hidayah Ismail, 47, berkata, setakat ini, harga makanan berasaskan telur yang dijual masih kekal.

“Tidak tergamak untuk menaikkan harga, lagipun majoriti pelanggan tetap yang makan di restoran ini bukannya semua orang senang ada pekebun, pekerja industri dan ramai golongan B40.”

“Asalkan lepas untuk membayar gaji pekerja, kos utiliti dan tidak berhutang setiap bulan



cukuplah,” katanya kepada Kosmo! semalam.

Penebar roti canai, Saiful Nizam Abu, 40, pula berkata, harga roti telur masih kekal RM2.80 sekeping.

“Jika selalu naik harga, pelanggan pun lari, jadi kekalkan, sama-sama berkongsi rezeki asalkan kedua-dua pihak berpuas hati,” katanya.

Di **Kuala Lumpur**, peniaga martabak, Muhd. Hafizuddin Mohd. Zaki, 33, tidak bercadang untuk menaikkan harga jualan selagi kenaikan harga telur tidak naik terlalu mendadak.

“Saya kalau harga itu betul-betul naik macam harga bawang dan telur sebelum ini, memang kita akan naikkan harga martabak, tetapi kalau setakat naik sedikit kita akan kekalkan harga RM5 sekeping,” katanya.

Kelmarin, kerajaan memutuskan untuk menamatkan sepenuhnya pemberian subsidi telur ayam bermula 1 Ogos ini.

Kawalan harga telur ayam juga akan ditamatkan, manakala kadar subsidi akan dikurangkan daripada 10 sen kepada 5 sen sebiju berkuat kuasa semalam, sebelum subsidi dihentikan sepenuhnya.

Keputusan itu dibuat setelah mengambil kira komitmen pihak industri untuk memastikan pengeluaran telur ayam kekal mencukupi berikutan kos pengeluaran yang telah stabil.

'10-year lease too short for farms'

Farmers at Selangor Fruit Valley in Bestari Jaya question limited time given to them

By LEW GUAN XI

lewguanxi@thestar.com.my

SOME operators running farms at Selangor Fruit Valley (SFV) in Bestari Jaya, Kuala Selangor, are questioning the maximum 10-year operating period set by Selangor Agricultural Development Corporation (PKPS).

One of them, who did not want to be named, said when he joined SFV in 2014, he was not told that he could only lease the land for a maximum of 10 years.

"In the agreement I signed, it stated that options for renewal would be evaluated based on my performance, commitment and seriousness in running my farming business there.

"It was only in 2023 that PKPS issued a memo informing farmers of this additional condition.

"I invested a lot of money and resources to run my farm there over the years.

"The additional condition by PKPS is unfair," said the farmer, who moved out after the contract expired.

The memo was issued by PKPS

to 37 farmers in SFV on Aug 25, 2023.

It stated that the 10-year maximum operating period was to provide room and opportunity for others to venture into the agricultural field as well as support PKPS' mission to develop SFV into Selangor's food production hub.

Another farmer, Lee Chee Fan, also expressed his unhappiness with PKPS for not renewing his contract which ended on Aug 31, 2024.

He said that PKPS only issued him a notice dated Jan 25 this year informing him that the agreement had ended.

The notice also stated that PKPS would take vacant possession of the land between Feb 10 and March 12 this year.

Lee wrote a letter to PKPS on Feb 27 asking them to reconsider and requested a meeting with officers to discuss the matter.

However, the letter went unanswered.

Lee then received another notice on April 15 ordering him to vacate the land and to return it to PKPS within seven days, a



PKPS issued a memo on Aug 25 last year to 37 farmers in Selangor Fruit Valley, asking them to move out. — Filepic

period he deemed insufficient.

"After the April 15 notice expired, PKPS officers questioned why I had not vacated the land.

"I told them that I had reached out to the Selangor government to ask for an extension (to continue operating there)," he told *StarMetro* when met at his nursery in Sungai Buloh.

Lee questioned why he was being forced to move out as he had been operating his farm in

SFV for 10 years.

"I have invested a lot of money to run my farm, purchasing equipment and paying salaries to my eight workers there.

"PKPS should not ask me to leave just like that.

"What are PKPS' plans for the land after we move out?"

"If it is for agricultural purposes, the need for new land is not urgent as there is still a lot of space available there," said Lee



Lee wants PKPS to reconsider its decision asking him to vacate.

whose crops include lemongrass, calamansi, cassava (*ubi kayu*), lady's finger, cucumber, bitter-melon and banana.

Located in the town formerly known as Batang Berjuntai, SFV was developed by PKPS, a subsidiary of the Selangor government.

It features an agro-tourism park where visitors can get a taste of agricultural life in an educational setting and taste fresh produce sold by local farmers.

PKPS had not responded to requests for comments at press time.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
2/5/2025	UTUSAN MALAYSIA	GAYA WANITA	21

Sumbangan wanita dalam bidang pertanian semakin diiktiraf

DR. Teoh Ai Ni berkata, berdasarkan kajian jurang gender oleh KRI yang membabitkan 3,300 pengusaha kecil agromakanan, pengeluaran agromakanan mempunyai kepentingan ekonomi yang setara bagi pengusaha kecil lelaki dan wanita.

"Namun, wanita lebih cenderung menghadapi pelbagai cabaran. Dahulu, peranan wanita dalam pengeluaran agromakanan sering tidak diendahkan kerana mereka sering dilabel sebagai 'isteri petani' atau pembantu, sekali gus menjadikan mereka sebagai 'petani ghaib'," katanya.

Kemajuan ketara dalam kesaksamaan gender dan usaha kerajaan memperkasa wanita, sumbangan wanita dalam sektor pertanian semakin diiktiraf. Bagaimanapun, kadar penyertaan golongan itu masih rendah.

Sebahagiannya disebabkan oleh cabaran spesifik gender yang terus dihadapi wanita dalam sektor pertanian, seperti stereotaip gender, beban kerja penjagaan tidak berbayar yang tinggi dan akses yang rendah kepada sumber, yang menyumbang kepada pengalaman yang tidak seimbang.

"Dengan kemajuan teknologi dan penerapan digital, sektor pertanian kini



TEOH AI NI

tidak lagi seberat dahulu.

"Ini membuka lebih banyak peluang kepada wanita yang sebelum ini terhalang oleh stereotaip atau ketidaksamaan dalam akses maklumat dan sumber untuk turut serta dan berjaya dalam pengeluaran agromakanan seperti lelaki.

"Namun, lebih banyak usaha diperlukan untuk mengurangkan ketidaksamaan gender dalam akses kepada sumber bagi pengusaha kecil agromakanan wanita, serta menangani cabaran lain yang lazimnya menghadkan penyertaan wanita dalam tenaga kerja, seperti beban penjagaan yang tidak setara," katanya.

Apabila melihat isu penggunaan teknologi dalam kalangan wanita, terdapat banyak lagi batasan bukan sahaja mengenai teknologi tetapi peluang lain untuk

menggunakan teknologi.

Teknologi yang digunakan dalam pertanian adalah berbeza iaitu teknologi *fundamental* seperti mesin dan traktor yang penting dalam membantu usahawan agromakanan menjimatkan masa, tenaga buruh dan kos serta meningkatkan produksi mereka.

Namun, mesin yang ada dalam industri tidak sesuai kerana struktur dan pengendaliannya tidak mesra wanita sekali gus menghadkan kerja yang boleh dilakukan di ladang atau kebun.

Justeru, kerjasama yang antara institusi awam dan swasta penting bagi mengatasi isu ini kerana sumbangan wanita dalam ekonomi negara tidak boleh lagi dipandang enteng.

Wanita kini mengubah landskap industri melalui empati, inovasi dan daya tahan.

Langkah mengatasi halangan struktur serta membuka akses kepada alat digital, literasi kewangan dan ekosistem sokongan, Malaysia bukan sahaja memperkasa usahawan wanita, tetapi membentuk masa hadapan ekonomi yang lebih inklusif, saksama dan makmur untuk semua.

Malah, membantu wanita meningkatkan ekonomi keluarga.



PELUANG dan akses wanita dalam bidang pertanian semakin terbuka. - GAMBAR HIASAN

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
2/5/2025	HARAKAH	SG4: KELANTAN	10

Beras Darulnaim dijangka berada di pasaran akhir Ogos

KOTA BHARU: Pengguna di negeri ini bakal menikmati hasil tempatan berjenama sendiri apabila beras Darulnaim seberat lima kilogram sekampit dijangka berada di pasaran menjelang akhir Ogos akan datang.

Perkembangan itu diumumkan oleh Pengerusi Pertanian, Industri Agro Makanan dan Komoditi Negeri Kelantan, Dato' Tuan Mohd Saripudin Tuan Ismail ketika menjawab soalan Ahli Dewan Negeri Kelaboran, Adanan Hassan dalam sesi Persidangan Kali Pertama Penggal Ketiga, Dewan Negeri Kelantan ke-15 yang berlangsung pada 24 April lalu.

"Kerajaan telah berbincang dan mengatur strategi bagi memastikan beras tempatan jenama Darulnaim yang diproses dan dikampitkan di kilang ini ditulis dengan perkataan 'Beras Hasil Petani Kelantan' bagi memastikan beras tersebut tidak bercampur," katanya.



**Dato' Tuan Mohd Saripudin
Tuan Ismail**

Beliau yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Selising, turut memberi jaminan bahawa beras keluaran Kilang Padi dan Beras Darulnaim Sdn Bhd tidak bercam-

pur dengan beras import.

"Pengeluaran beras tersebut akan dilakukan oleh Kilang Padi dan Beras Darulnaim Sdn Bhd yang kini hampir siap sepenuhnya di Meranti, Pasir Mas.

"Kilang ini dijangka beroperasi sempena musim pertama pengeluaran padi tahun ini, dan insya-Allah, beras Darulnaim lima kilogram akan mula dipasarkan sekitar akhir Ogos.

"Kilang tersebut dibangunkan oleh Kumpulan Pertanian Kelantan Berhad (KPKB) dengan kerjasama pelabur, dan berupaya memproses sehingga 600 metrik tan padi sehari, menjadikannya antara kilang pemprosesan padi terbesar di negeri ini," katanya.

Saripudin turut berkata, sebagai simbol permulaan operasi, majlis solat hajat diadakan pada 27 April lalu bersempena pembukaan kilang untuk pembelian padi daripada pesawah.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
2/5/2025	HARAKAH	KOLUMNIS	20

Beras tempatan dah kembali

Kami Orang Klang

Srihayanis Abasri



SELEPAS pendedahan jujur oleh Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI) mengenai kekurangan bekalan beras tempatan, akhirnya kita melihat perubahan.

Rak pasar raya yang kosong kembali dipenuhi, namun persoalan asasnya kekal, mengapa perlu menunggu suara amaran sebelum tindakan diambil?

Krisis bekalan beras bukan berlaku semalaman kerana ia berpunca daripada kelemahan sistemik iaitu dari dasar pertanian yang tidak konsisten, kegagalan mengurus stok negara dengan cekap, sehinggalah ketidakcekapan dalam pengedaran.

Pendedahan MARDI bukan sekadar laporan biasa, malah ia satu tamparan terhadap pihak-pihak yang sepatutnya lebih peka sejak awal.

Kemunculan semula beras tempatan di pasaran hari ini bukan bukti kejayaan, malah ia adalah bukti betapa rapuhnya keselamatan makanan kita dan betapa lemahnya keupayaan kita menangani masalah sebelum ia meledak.

Lebih membimbangkan, tiada jaminan kukuh bahawa situasi ini tidak akan berulang kerana tanpa reformasi menyeluruh terhadap industri padi dan beras, daripada pembekalan benih, sokongan kepada petani, hinggalah kawalan harga dan pengedaran, negara akan terus berputar dalam kitaran krisis yang sama.

Sebagai rakyat, kita berhak mendapat lebih daripada sekadar penyelesaian sementara dan dasar yang berwibawa, tindakan yang proaktif dan sistem yang telus.

Hari ini beras tempatan kembali, tetapi jika punca sebenar tidak diselesaikan, esok lusa mungkin kita berdepan dengan krisis yang lebih parah dan mungkin ketika itu, tiada lagi pendedahan yang mampu menyelamatkan kita.

Selain itu, budaya bergantung sepenuhnya kepada beras import perlu diubah kerana pengguna juga perlu diberi kesedaran untuk lebih menghargai hasil tempatan.

Tanpa sokongan berterusan daripada pengguna, industri padi negara akan terus berada di takuk lama, menjadi mangsa kepada permainan harga global dan ketidakpastian pasaran.

Oleh itu, beras tempatan di kawasan rumah penulis sudah mula kelihatan. Kawasan anda pula bagaimana?

Kebanyakan premis masih mengekalkan harga sedia ada

SEREMBAN

Tiada kenaikan harga mahupun pembelian panik berlaku di Negeri Sembilan susulan pengumuman Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) yang menamatkan subsidi telur ayam secara berfasa bermula Khamis.

Tinjauan *Sinar Harian* di beberapa pasar raya dan pasar mini sekitar Seremban mendapati kebanyakan premis masih mengekalkan harga sedia ada dan tidak menaikkan harga bahan mentah itu secara mendadak.

Pekerja pasar mini, Fatimah Azzahra Mohamed Razak, 18,

berkata, tiada arahan daripada pengurusan untuk menaikkan harga bekalan itu buat masa ini.

"Setakat ini telur masih dijual dengan harga sama untuk menghabiskan stok sedia ada, tapi tidak pasti penetapan harga pada stok akan datang.

"Selain itu, tiada pelanggan yang membuat pembelian panik dan stok telur juga dalam keadaan stabil," katanya.

Pengguna, Noor Ain Ahmad Sabtu, 38, berkata, tiada masalah mendapatkan bekalan stok setakat ini, namun bimbang berlaku kenaikan harga pada masa akan datang.

"Mungkin masih ramai pengguna tidak tahu berkenaan pengurangan subsidi secara berperingkat ini, jadi tiada yang buat pembelian panik.

"Saya harap tidak berlaku kenaikan mendadak pada masa akan datang.

"Jika berlaku, kasihan kepada mereka yang mempunyai keluarga besar atau berpendapatan rendah yang akan terbeban dengan kenaikan itu," katanya.

Tinjauan di KUALA TERENGGANU pula mendapati harga telur ayam di pasaran sekitar daerah ini masih kekal seperti biasa, tiada kenaikan harga mendadak dan pengguna masih membeli seperti biasa tanpa berlaku pembelian panik.

Pekerja di sebuah premis pemborong telur, Muhammad Azfar Aiman Mazlan, 20, berkata, harga telur pelbagai gred masih kekal sejak dua minggu lalu dengan gred AAA dijual pada harga RM12.80 sepapan, AA (RM12.50), A (RM11.20), B (RM9), C (RM8.40), D (RM7.50), E (RM6.70) dan F (RM5.70).

"Pelanggan pun datang beli macam biasa, tiada yang beli berlebihan.

"Bekalan telur diperoleh dari Perak dan Melaka sebanyak dua kali seminggu dengan kemasukan 1,000 hingga 2,000 papan

Dua pekerja premis pemborong telur di Kuala Terengganu, Ishak Ismail, 20, bersama Muhammad Akwa Basil Arshad Firdaus Alias, 22, memeriksa dan menyusun telur.



telur setiap kali penghantaran. "Hari ini telur agak cepat habis, mungkin sebab cuti umum jadi ramai keluar beli barang dapur," katanya.

Di ALOR SETAR, tinjauan mendapati tiada sebarang kekurangan bekalan telur ayam dikesan di sekitar daerah ini meskipun berlaku pengurangan subsidi daripada 10 sen kepada 5 sen sehari bermula Khamis.

Tinjauan di dua pasar raya utama di daerah berkenaan mendapati rak telur di premis terbabit sentiasa diisi semula dan pelanggan berbelanja secara terkawal tanpa sebarang

peningkatan ketara dalam jumlah pembelian.

Menurut seorang pekerja di salah sebuah pasar raya, bekalan telur tiba pada waktu pagi seperti biasa dan harganya juga masih sama seperti sebelum ini.

"Orang ramai juga dilihat tidak melakukan pembelian panik, cuma hari ini Sumbangan Asas Rahmah (SARA) dah masuk untuk bulan Mei, jadi ramai yang beli barang rumah termasuk telur.

"Tapi kalau hendak katakan pelanggan sampai berebut-rebut beli telur banyak-banyak tak ada pula," ujarnya.



Pekerja sebuah pasar raya di daerah Kota Setar sedang menyusun bekalan telur yang baru tiba pada Khamis.